

Surat khabar: Utusan Sarawak
Hari/Tarikh: 10/12/2016
Muka surat: 11

Tajuk : UNIMAS pasar produk menang di Seoul

UNIMAS pasar produk menang di Seoul

KOTA SAMARAHAN: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) berjaya melakar sejarah tersendiri pada tahun ini apabila membawa pulang empat pingat emas, tiga pingat perak, satu gangsa dan sijil dalam Hasil Rekaan Antarabangsa Seoul (SIIF) yang diadakan di Seoul, Korea Selatan baru-baru ini.

Najib Canselor UNIMAS, Profesor Datuk Dr. Mohamad Kadim Suaidi berkata, pihaknya menghantar sembilan daripada 200 produk yang dibangunkan oleh penyelidik.

"Tahun ini adalah kali keenam UNIMAS menghantar produk yang merupakan terbaik setakat ini apabila kita perlu bersaing dengan 640 produk daripada 41 negara.

"Malah, kita antara 77 produk dari Malaysia dipilih untuk memenangi pingat dalam mempamerkan hasil rekaan yang bertaraf antarabangsa," katanya pada sidang media di

sini, semalam.

Oleh itu, Kadim berharap industri yang berminat untuk memasarkan produk terbabit secara terbuka.

Pingat emas diperolehi daripada produk "Stormpav: A Green Pavment Technology From The Aspects Of Hydrology" yang diketuai oleh Dr. Mah Yau Seng.

Menurut Mah, produk terbabit merupakan blok yang digunakan membuat jalan raya bagi melancarkan pengaliran air hujan ke sungai atau longkang dalam usaha mengatasi bencana banjir kilat.

"Kita kini dalam proses menjalankan projek perintis bersama Pusat Penyelidikan Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak di Kampung Mang, Asajaya sepanjang 11.5 meter bulan lalu," jelasnya.

Pingat emas kedua diraih daripada produk "Application Of Coir Composite As An Alternative Structure For Kid's

Block Toy's" yang diketuai oleh Profesor Madya Dr. Saiful Bahari Yusoff.

Pingat emas ketiga diperolehi dari produk "The Shape Shooter: 3-Dimensional Teaching Aid For Austistic Children" yang diketuai oleh Dr. Musdi Shanat.

Kata Musdi, produk itu lebih ringkas kerana kanak-kanak autistik akan tertekan kepada objek yang banyak warna.

"Setakat ini, kita telah berbincang dengan Persatuan Bagi Kebajikan Kanak-Kanak Terencat Akal Sarawak (PERKATA) dan Persatuan Autistik Sarawak untuk mendapatkan geran dalam usaha membangunkan patennya," ujarnya.

Pingat emas keempat diperolehi daripada produk "Cycle-sense Sensor-Based Bicycle Safety System" yang diketuai oleh Dr. Johari Abdullah.

Katanya, produk berkenaan adalah untuk menggalakkan orang ramai berbasikal den-

gan keselamatan yang jitu bagi mengelakkan sebarang kemalangan berlaku.

Sementara itu, tiga lagi pingat perak yang diperolehi UNIMAS adalah menerusi produk "Stormpav Composite Pavment" diketuai oleh Profesor Dr. Md Abdul Manan, "Portable Nano-Biosensor For Rapid Detection and Quantification of Japanese Encephalitis Virus (JEV) Antigen" diketuai oleh Profesor Madya Dr. Chin Suk Fun dan "Upper Limb Rehabilitation" diketuai oleh Dr. Shahrol Mohamaddan.

Pingat gangsa pula diperolehi dari produk "Ezz-Vest: Vest With Rain Coat" diketuai oleh Norhayati Suleiman manakala sijil diperolehi menerusi produk "Lightweight: Eco-Friendly Pandanus Based Composite" yang diketuai oleh Dr. Nicholas Kuan Hoo Tien.

Turut hadir, Pengarah Inovasi UNIMAS, Profesor Dr. Lo May Chiun.- Fenny Silong

Disediakan oleh: Olivia Ajan
Bahagian Canselori